

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI & PERUBAHAN NILAI KEKELUARGAAN MELAYU

Yaacob Harun

Victoria University of Wellington, New Zealand

Pengenalan

Inti pati perbincangan dalam kertas kerja ini berkisar pada sejauh mana nilai-nilai kekeluargaan Melayu mengalami perubahan akibat perkembangan teknologi. Adakah nilai-nilai utama dalam masyarakat Melayu, khususnya nilai-nilai kekeluargaan akur kepada kehendak dan perubahan teknologi, atau sebaliknya adakah nilai-nilai itu dapat bertahan walaupun masyarakat Melayu kini berdepan dengan arus perubahan teknologi yang pesat.

Teknologi dan Budaya: Asas Teori

Mengikut pendukung teori “*technological determinism*” seperti Leslie White, Marx, McLuhan, Ogburn dan lain-lain, perubahan teknologi mengakibatkan perubahan pada masyarakat dan budaya.¹ Dalam masyarakat di mana tahap perkembangan teknologinya tinggi seperti masyarakat perindustrian, maka tahap kemajuan masyarakat dan budaya dalam masyarakat tersebut juga tinggi, begitu juga sebaliknya. Mengikut teori ini, struktur dan organisasi masyarakat, termasuk falsafah, pengetahuan, dan nilai sentiasa akur kepada perubahan teknologi, malah tunduk kepada kehendak dan perubahan teknologi. Seperti kata Ron Westrum (1991), “*The very structure of our society is related to the kind of technologies that we have*”. Sebagai contoh, falsafah dan nilai kerjasama seperti terdapat dalam masyarakat pertanian (di mana tingkat teknologinya rendah), tidak lagi dapat dipertahankan dalam masyarakat perindustrian moden (yang berasaskan kemajuan teknologi). Dalam masyarakat teknologi (*technological society*), falsafah dan nilai-nilai individualistik menjadi kelaziman.

Apabila teknologi menjadi penentu kepada sistem budaya, maka wujud apa yang dikatakan budaya-tekno (*techno-culture*). Masyarakat yang dilanda oleh budaya-tekno dikatakan masyarakat yang non-normatif, maksudnya masyarakat yang tidak berlandaskan kepada sistem norma (*normless society*). Struktur masyarakat seperti ini adalah sesuatu yang cair (*fluid social structure*) yang berubah mengikut perubahan komponen utama, iaitu komponen teknologikal, dalam masyarakat tersebut.

Persoalan timbul, adakah pendapat atau teori “*technological determinism*” ini betul-betul berasas, atau adakah teknologi dan perkembangan teknologi dalam sesebuah masyarakat itu sebaliknya ditentukan oleh budaya. Bagi para pendukung teori “*cultural determinism*” seperti Max Weber, Brian Winston dan lain-lain, mereka berpendapat kemajuan masyarakat (termasuk kemajuan teknologi) sangat bergantung kepada falsafah dan nilai yang didukung oleh anggota sesebuah masyarakat itu. Jika satu-satu aspek perubahan atau satu komponen teknologi itu tidak selaras dengan sistem budaya atau tidak selaras dengan nilai utama dalam masyarakat tersebut, maka besar kemungkinan berlaku penolakan terhadap komponen teknologi yang dimaksudkan.² Brian Winston (1995:14) mengatakan:

Social, political and economic forces play powerful roles in the development of new technologies... inventions and innovations are not widely adopted on the merits of a technology alone... there must always be an opportunity as well as a motivating social political, or economic reason for a new technology to be developed.

Weber (1904/1930) juga memberi contoh dengan mengatakan masyarakat Protestant maju dari segi ekonomi dan juga dari segi teknologi sebab terdapat etika dalam agama tersebut yang memberi rangsangan dan motivasi kepada penganutnya untuk berkerja keras dan mencapai kemajuan dalam hidup, kerana kemajuan yang diperolehi itu selaras dengan tuntutan agama.

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang disebutkan di atas, di sini saya cuba meninjau perkara-perkara berikut:-

- Sejauh mana masyarakat dan budaya Melayu dipengaruhi oleh budaya teknologi. Adakah masyarakat Melayu itu non-normatif yang tidak berpegang kepada nilai-nilai utama khususnya yang berteraskan agama (Islam) dan adat dan tunduk kepada teknologi?
- Adakah keadaan sebaliknya berlaku di mana nilai dan norma utama dalam masyarakat Melayu mempengaruhi perkembangan teknologi, dan nilai dan norma itu sentiasa dipertahankan walaupun dianggap ketinggalan zaman dan usang? atau
- Adakah terdapat gabungan antara yang pertama dan kedua di atas, di mana sebahagian daripada nilai dan norma ditinggalkan, dan sebahagian lagi masih dipertahankan, dan jika demikian apakah asas-asas yang dapat menyokong keadaan tersebut.

Dalam makalah ini saya menggunakan istilah masyarakat teknologi (*technological society*) bagi merujuk kepada masyarakat yang sedang mengalami perubahan teknologi pesat termasuk masyarakat Melayu, terutamanya yang terdapat di sektor moden (bandar). Fokus perbincangan seperti dinyatakan pada awalnya hanya kepada nilai-nilai kekeluargaan Melayu dalam konteks masyarakat teknologi.

Perkembangan Teknologi & Nilai Kekeluargaan Melayu

Perbincangan tentang nilai kekeluargaan Melayu berkisar kepada empat isu pokok iaitu perkahwinan, struktur keluarga, perubahan peranan wanita dan jurang generasi. Bagi saya ini adalah isu-isu penting dalam konteks perbincangan tentang perubahan nilai dalam masyarakat teknologi.

Perkahwinan

Perkahwinan ditakrifkan sebagai hubungan (seksual yang sah di antara lelaki dan perempuan yang terkandung di dalamnya hak dan tanggungjawab tertentu. (*Dictionary of Sociology*, 1994:388). Dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam, perkahwinan yang sah (*legal*) itu mesti mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Islam. Sebarang hubungan seksual antara lelaki dan perempuan di luar ikatan perkahwinan yang sah tersebut adalah perbuatan yang non-normatif.

Dalam konteks ini, tanpa diragui masyarakat Melayu sehingga kini masih tetap, dan akan terus memilih perkahwinan sebagai institusi yang membenarkan hubungan kelamin secara sah. Walaupun amalan-amalan hubungan kelamin sebelum nikah (*pre-marital sex*), atau hubungan seksual bebas (*free-sex*) dilakukan oleh sebilangan pasangan muda-mudi terutama di bandar, perbuatan tersebut tetap disifatkan sebagai perbuatan terkutuk di sisi agama dan adat. Pasangan yang terlibat, jika tertangkap, akan menerima akibatnya.

Kes-kes pembuangan bayi yang sering disiarkan di dada akhbar, tidak lain tidak bukan, disebabkan oleh ibu muda yang melahirkan anak tersebut tidak dapat berdepan dengan cemuhan masyarakat dan keluarga. Sebagai jalan keluar atas perbuatan terkutuk yang dilakukan hingga mengakibatkan kehamilan luar nikah, pembuangan bayi merupakan jalan keluar yang difikirkan paling praktikal dan mudah. Ini menandakan sistem nilai dalam masyarakat Melayu tetap meletakkan institusi perkahwinan sebagai sesuatu yang unggul dan normatif

Saya percaya selagi masyarakat Melayu masih berpegang kuat kepada nilai-nilai keagamaan dan adat berkaitan dengan pola-pola hubungan seksual yang sah, maka fenomena hubungan kelamin tanpa kahwin seperti lumrah berlaku di Barat dewasa ini, tidak akan menjadi isu yang besar.³ Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu kini berdepan dengan cabaran ciptaan teknologi seperti pil pencegah kehamilan (*contraceptives*), kondom, kemudahan pengguguran, dan sebagainya yang mendorong pasangan muda-mudi, malah sesiapa sahaja ke arah melakukan hubungan seksual bebas tanpa nikah.

Satu aspek lain berkaitan dengan perkahwinan ialah pilihan jodoh. Dalam masyarakat teknologi, pilihan jodoh kebanyakannya berdasarkan cinta. Pasangan yang berkahwin telah terlebih dahulu berkenalan dan bercinta sebelum mendirikan rumah tangga. Mereka mungkin mempunyai banyak perbezaan dari segi latar belakang keluarga, kedudukan ekonomi, tempat kediaman, dan taraf pendidikan. Dari segi ini didapati, ukuran pemilihan jodoh seperti diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisi dengan nilai-nilai pilihan jodoh berdasarkan hubungan kekeluargaan, kesamaan kedudukan ekonomi ibu bapa, kesamaan tempat kediaman dan sebagainya, tidak lagi menjadi amalan. Malah perkahwinan di kalangan muda-mudi Melayu

pada hari ini melampaui batas-batas kaum dan negara. Perkahwinan campur (Melayu-Cina, Melayu-India, Melayu-Arab, Melayu-Inggeris dan lain-lain) tidak lagi menjadi sesuatu di luar dugaan. Namun demikian, sebagai sesuatu yang normatif, terutamanya dalam konteks Malaysia, pasangan yang berkahwin itu mesti kedua-duanya beragama Islam. Ini kerana, di Malaysia hal-hal berhabit dengan keluarga dan perkahwinan di kalangan orang Melayu masih tertakluk kepada ketetapan perundungan Islam yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah di setiap negeri dan wilayah persekutuan.⁴

Satu perkembangan menarik berkaitan dengan pilihan pasangan di zaman teknologi ini ialah, selain pertemuan di masa kuliah, di tempat kerja dan sebagainya terdapat pasangan muda-mudi kini menjalinkan percintaan dan perkahwinan setelah berjumpa dan berkenalan melalui internet. Kini “perkahwinan internet” (*internet marriage*) sudah menjadi kian popular. Melalui internet juga, sesiapa sahaja boleh mengiklankan diri untuk mencari pasangan hidup dengan meletakkan butir-butir, termasuk gambar. Bagi yang berminat, tindakan susulan boleh dilakukan, dan jika serasi dan sesuai perkahwinan akan berlaku.

Zaman merisik, bertanya khabar seperti diamalkan oleh orang Melayu, sudah lama berlalu. Masyarakat Melayu kini juga tidak lagi berselindung di balik kata-kata kiasan dan ibarat seperti “Bunga di taman sudahkah berpunya” atau “Burung di sangkar sudahkah berteman” dalam mencari jodoh. Apa yang dilakukan ialah tindakan secara langsung (*direct*) oleh pasangan yang bakal berkahwin itu yang disusuli kemudian oleh ibu bapa dan keluarga masing-masing dalam mengatur dan melaksanakan majlis pernikahan dan sambutan. Peranan ibu bapa dan keluarga hanya sesuatu yang sekunder (*secondary*) bagi memenuhi tuntutan agama dan adat semata-mata.

Apabila perkahwinan masa kini lebih mementingkan kesesuaian perhubungan antara dua individu sahaja dan tidak sangat mementingkan kesesuaian perhubungan antara dua kelompok keluarga, iaitu ibu bapa bagi kedua-dua belah pihak, maka besar kemungkinan pasangan yang berkahwin itu menghadapi tekanan dan juga masalah, khususnya yang berkaitan dengan keharmonian perhubungan mertua menantu dan juga dalam perhubungan sesama bisan. Lantarannya, pasangan yang berkahwin itu tidak mempunyai sistem sokongan (*support system*) yang begitu

penting dalam kehidupan keluarga, terutama sekali pada peringkat awal perkahwinan. Konflik perkahwinan (*conjugal conflict*), jika timbul juga tidak dapat dibendung atau ditenteramkan oleh pihak ketiga (dengan menyediakan sistem sokongan yang diperlukan). Ini akhirnya akan membawa kepada cerai berai keluarga (*family organisation*).⁵ Tanpa sistem sokongan daripada ibu bapa atau tidak mendapat restu daripada ibu bapa, maka besar kemungkinan perkahwinan itu berakhir dengan penceraian.⁶

Dalam masyarakat Melayu seseorang itu pasti menjadi anggota sesebuah keluarga pada setiap tahap dalam hidupnya. Semasa kecil, beliau menjadi anggota keluarga orientasi, setelah berkahwin, sama ada beliau membentuk keluarga prokreasi sendiri, atau terus tinggal dan menjadi anggota keluarga besar sebelah suami atau sebelah isteri, dan apabila meningkat usia, beliau boleh tinggal bersama anak lelaki atau anak perempuan yang telah berkahwin. Jarang sekali, seseorang itu tinggal bersendirian sepanjang hayatnya. Ini bermakna institusi keluarga merupakan insitusi unggul dalam masyarakat Melayu. Seseorang yang tidak mempunyai keluarga tidak ubah seperti seorang yang telah mati. Namun demikian, struktur keluarga Melayu tidak terkecuali atau terlepas dari dipengaruhi oleh gejala perubahan pada zaman teknologi kini. Ada pendapat yang mengatakan keluarga adalah institusi yang mengongkong kebebasan individu (terutama kebebasan seks muda-mudi), sebagai penjara kepada wanita (isteri) kerana terperangkap dengan tugas tradisi sebagai pengurus rumah tangga (*homemaker*), dan sebagai institusi yang meruntuhkan sifat keindividuan (*individuality*) (Elliot 1986:2). Jadi, sebagai tindak balas untuk membebaskan diri daripada “kongkongan” keluarga, maka berlaku amalan perzinaan (*adultery*), seks bebas, homoseks, bersekedudukan, kehamilan tanpa nikah, sumbang muhrim, pembuangan bayi, bohsia, bohjan, deraan (anak, isteri dan suami), konflik keluarga dan pelbagai kegiatan anti-sosial yang lain.

Kita tidak dapat nafikan gejala negatif seperti ini bukan merupakan sesuatu yang asing bagi penduduk Malaysia. Malah, ia menjadi amalan yang kian meningkat dan berleluasa, terutamanya di bandar.⁷

Namun demikian, di sebalik mempunyai bibit-bibit cerai berai seperti dinyatakan di atas, struktur keluarga Melayu dalam masyarakat teknologi, pada

umumnya masih berlandaskan kepada faktor-faktor normatif. Orang Melayu masih tidak menerima hakikat yang sesuatu keluarga itu dibentuk tanpa ikatan perkahwinan yang sah di kalangan lelaki dan perempuan. Jika ada pendapat yang mengatakan bahawa institusi keluarga sudah berkubur (*demise*) berdasarkan hakikat wujudnya beberapa opsyen atau bentuk keluarga (*family forms*) yang baru dalam masyarakat teknologi seperti bersekedudukan (*cohabitation*), pasangan sama jantina (*same-sex pairing*), perkahwinan gay dan lesbian (*gay and gay lesbian marriages*), ibu atau bapa tunggal (*single parent*), dan sebagainya, maka opsyen dan bentuk-bentuk keluarga tersebut, pada umumnya, masih belum mendapat tempat dalam skema nilai orang Melayu yang beragama Islam.

Masyarakat Melayu juga tidak menerima amalan-amalan seperti pembentukan keluarga dan kelahiran anak melalui *artificial insemination* jika sperma itu bukan datang dari suami yang sah. Begitu juga kelahiran melalui perantaraan ibu tumpang (*surrogate mother*) juga tidak diterima kerana tidak akur kepada faktor normatif. Dari segi ini, saya berpendapat, sistem nilai orang Melayu yang berteraskan Islam tidak akan terjejas walau setinggi mana kemajuan dicapai dalam bidang teknologi.

Walau bagaimanapun amalan-amalan seperti perancangan keluarga (*family planning*), dan *in vitro fertilisation* II (IVF) oleh pasangan suami isteri bagi mengatur kelahiran sudah diterima oleh masyarakat Melayu di Malaysia walaupun timbul beberapa kontroversi.⁸ Ini menandakan bahawa teknologi boleh membantu dalam pembentukan keluarga jika teknologi itu digunakan atas asas-asas yang tidak bercanggah dengan ajaran agama, atau yang ditafsirkan sebagai sah di sisi agama dan nilai utama masyarakat.⁹

Perubahan Peranan Wanita (Wanita Kerjaya)

Dalam masyarakat teknologi, ramai wanita turut terlibat dalam pasaran buruh menjalankan berbagai-bagai pekerjaan di luar keluarga. Mereka mempunyai peluang yang luas untuk sama-sama dengan lelaki menyumbangkan potensi dan kebolehan yang ada kepada masyarakat,¹⁰ dan tidak lagi terpaksa terus terkongkong menjalankan tugas dan peranan tradisi sebagai suri rumah (*homemaker*). Dengan kemasukan

wanita ke dalam pasaran buruh dengan menjalankan pelbagai pekerjaan yang dulunya menjadi monopoli kaum lelaki bermakna:-

- Tugas mencari nafkah keluarga adalah menjadi tanggungjawab bersama dan bukan lagi terletak di tangan suami;
- Isteri mempunyai autoriti yang sama banyak dalam membuat keputusan penting mengenai keluarga.
- Sikap dominasi suami ke atas isteri berkurangan.
- Isteri tidak lagi bergantung seluruhnya dari segi ekonomi kepada suami.
- Wujud babit-babit “persaingan” antara pasangan suami isteri.
- Keluarga tidak lagi dapat menjalankan fungsinya dengan berkesan, khususnya fungsi ekonomi dan fungsi pendidikan.

Kajian di kalangan kelas menengah di Amerika menunjukkan apabila suami isteri terlalu menumpukan perhatian kepada pekerjaan masing-masing dan tidak mempunyai kesempatan yang lebih untuk bersama keluarga, kerenggangan hubungan yang membawa kepada hakisan cinta antara mereka akan berlaku. Kadar penceraian meningkat apabila terdapat persaingan antara pasangan suami isteri dalam bidang pekerjaan dan juga apabila golongan wanita merasai diri mereka boleh berdikari tanpa bergantung pada suami (Talcott Parsons 1977).¹¹

Sehubungan dengan itu, perjuangan kaum wanita terutama sekali “untuk melepaskan diri/membebaskan diri dari kongkongan serta dominasi kaum lelaki (suami), mewujudkan ketegangan dalam perhubungan suami isteri. Saya berpendapat tiupan angin gerakan feminis yang kencang di Barat itu telah pun sampai ke Timur. Ada di kalangan wanita (isteri) Timur kini, termasuk wanita Melayu yang terbawabawa dengan semangat perjuangan untuk “membebaskan” diri daripada “kongkongan” lelaki (suami) dengan mengambil tindakan “agresif” seperti mendera suami (secara psikologi), bersifat angkuh dengan pencapaian pendidikan dan ekonomi mereka, tidak menghormati suami sebagai ketua keluarga, dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pada umumnya saya berpendapat majoriti para isteri Melayu yang terlibat dalam pasaran buruh di luar keluarga masih mendukung nilai-nilai Timur, dan akur kepada nilai-nilai normatif. Mereka berkerja bukan semata-

mata untuk mencari kebebasan dan ingin berdikari. Mereka sedar peranan mereka sebagai isteri dan ibu tidak mudah hendak diabaikan. Penglibatan mereka dalam pekerjaan di luar keluarga adalah untuk menambahkan pendapatan dan meningkatkan kedudukan ekonomi keluarga. Cuma yang perlu disedari ialah mereka dibebankan oleh dua tugas sekaligus, iaitu sebagai pekerja dan sebagai suri rumah. Tenaga dan masa yang terhad kadang-kadang menyebabkan kedua-dua tugas yang dipikul itu tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh sebab itu, ada pihak-pihak tertentu (para pendukung nilai-nilai normatif) menyarankan wanita sepatutnya lebih menumpukan perhatian kepada keluarga dan rumah tangga, kerana tugas itu adalah tugas asasi mereka.¹² Pada keseluruhannya perubahan peranan wanita dalam masyarakat teknologi meletakkan mereka dalam dilema, iaitu untuk memenuhi tuntutan pekerjaan di satu pihak dan untuk memenuhi tuntutan keluarga di pihak yang lain. Bagi yang berhenti kerja untuk memenuhi tuntutan keluarga bermakna mereka tidak terus tunduk kepada tuntutan dan perubahan teknologi.¹³

Jurang Generasi

Jurang generasi (*generation gap*) adalah “*The difference in ideas, feelings, and interests between older and younger people, especially considered as causing a mutual lack of understanding*”. (*The New Penguin English Dictionary*: 582). Perbezaan idea, cita rasa dan minat antara generasi, terutama antara ibu bapa dan anak berlaku dalam semua masyarakat, lebih-lebih lagi dalam masyarakat teknologi.

Dalam masyarakat Melayu kini masih terdapat tiga generasi yang pada umumnya mendukung nilai cita rasa dan amalan yang agak berbeza. Generasi pertama terdiri daripada datuk dan nenek yang masih tinggal di kawasan luar bandar; generasi kedua pula ialah generasi ibu bapa yang berhijrah dari kawasan luar dan seterusnya menetap di bandar; dan terakhir generasi ketiga ialah generasi cucu yang lahir dan dibesarkan di tengah-tengah pusat perubahan di bandar.

Perkembangan sahsiah atau personaliti seseorang itu sangat dipengaruhi oleh faktor persekitaran (*environment*) sosial dan fizikal. Golongan yang dilahirkan, yang dibesarkan dan yang terus tinggal dalam persekitaran yang sama di sepanjang

hayat lazimnya akan akur kepada sistem nilai, cita rasa dan minat penduduk di persekitaran tersebut. Bagi generasi pertama, misalnya sistem nilai yang didukung oleh mereka adalah sistem nilai luar bandar yang berlandaskan prinsip kerjasama, sifat hormat-menghormati, perpaduan kelompok, dan amalan normatif yang lain. Ini berbeza dengan sistem nilai yang terdapat dalam masyarakat bandaran moden atau dalam masyarakat teknologi yang memperlihatkan ciri-ciri kebebasan individu, mementingkan diri sendiri, sifat non-normatif dan sebagainya yang dicanaikan atau tercanaai dalam proses perkembangan sahsiah generasi ketiga. Sistem nilai yang didukung oleh generasi kedua pula boleh dikatakan sebagai sistem nilai yang menggabungkan kedua-dua rangkap nilai di atas, tetapi itu pun bergantung kepada kecenderungan mana yang lebih dekat. Atas hakikat ini, maka tidak menghairankan jika salah faham sering wujud antara generasi-generasi yang dimaksudkan, dan kerenggangan hubungan berlaku antara mereka, terutamanya antara generasi pertama dan kedua. Kehadiran datuk dan nenek dari kampung, kadang-kadang tidak begitu disenangi oleh anggota keluarga bandaran.

Lanjutan daripada perubahan peranan wanita yang dibincangkan di atas, fungsi sosialisasi yang dijalankan oleh keluarga sedikit sebanyak turut terjejas. Apabila anak-anak tidak diasuh dan dibendung dengan sempurna oleh ibu bapa (terutama oleh ibu yang turut keluar berkerja), maka mereka terbiar bersendirian sesama mereka. Pengaruh rakan sebaya (*peer group*) yang kuat menyebabkan mereka terbawa-bawa melakukan sesuatu di luar batasan agama dan adat. Jika telah sampai pada peringkat ini, baru ibu bapa cuba campur tangan dalam urusan mereka serta mengambil tindakan melarang dan mencegah, maka keadaan sudah terlewat. Gejala-gejala lari dari rumah, terlibat dengan kegiatan-kegiatan anti-sosial seperti penagihan dadah, kahwin lari (*elopement*), dan sebagainya adalah sebahagian daripada akibatnya. Ini adalah manifestasi wujudnya jurang generasi dalam masyarakat, termasuk masyarakat Melayu.¹⁴

Kesimpulan

Sebagai penutup, saya berpendapat sistem nilai kekeluargaan Melayu masih banyak dipertahankan walaupun masyarakat mengalami perubahan pesat yang dibawa oleh

teknologi moden. Apa yang berubah atau yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi adalah amalan-amalan baru seperti perancangan keluarga, kelahiran melalui tabung uji (*in vitro fertilisation*), perkahwinan internet dan sebagainya yang tidak bercanggah dengan agama dan adat. Jika pun terdapat kegiatan non-normatif, ia masih dalam lingkungan yang terkawal. Pihak kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi termasuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN), Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan lain-lain, sentiasa memantau segala tindakan dan kegiatan anggota masyarakat terutama golongan remaja dari terjerumus ke dalam lembah kehancuran, hidup dalam suasana bebas yang tidak berlandaskan kepada sistem nilai, dan peraturan normatif.

Nota

¹ Daniel Chandler mengatakan, “*The term technological determinism is used to refer to the common assumption that new technologies are the primary cause of major social and historical changes at a macro level and/or subtle but profound social and psychological influences at the micro level of social structure*” (Chandler, Daniel. [1996]. (*Shaping and Being Shaped Engaging with Media*).

Sumber: <http://www.december.com/cmc/ma/1996/feb/chandtd.html>

² Pendekatan atau teori “*cultural determinism*” mempunyai kesamaan dengan SST (*the social shaping of technology*) seperti dikemukakan oleh Mackenzie & Wajcman (1985). Mengikut pendekatan SST, “*Technology does not develop according to an inner technical logic but is instead a social product, patterned by the conditions of its creation and use*”. (c.f. Robin Williams and David Edge. [1996]. *The Social Shaping of Technology*. Research Policy Vol. 25).

Sumber: http://science.consumercide.com/social_shaping_of_tech.htm1

³ Di Amerika Syarikat, mengikut US Bureau of Census, 1998, terdapat sejumlah 4,236,000 pasangan bersekedudukan tanpa nikah, berbanding dengan 439,000 pada tahun 1960. Mengikut survei yang dijalankan oleh Universiti Colombia, hanya 26% daripada wanita dan 19% daripada lelaki berkahwin dengan pasangan bersekedudukan mereka. Satu survei lain, 40% daripada 13,000 pasangan yang bersekedudukan berpisah sebelum sempat mendirikan rumah tangga.

(Meera Chowdry, [2001]: <http://www.boloji.com/family/00104.htm>)

⁴ Keadaan di Indonesia mungkin berbeza kerana perkahwinan dibenarkan antara pasangan berlainan agama dan pasangan itu boleh mengekalkan agama masing-masing selepas berkahwin.

⁵ Kekuatan perkahwinan dan kestabilan keluarga yang dibentuk oleh pasangan yang berkahwin atas pilihan sendiri (lebih-lebih lagi tanpa restu daripada ibu bapa) sebahagian besarnya bergantung kepada kekuatan ikatan cinta di antara mereka. Jika ikatan cinta itu mulai pudar, maka perkahwinan akan terjejas kerana asas-asas perkahwinan lain, misalnya sistem sokongan daripada ibu bapa tidak mudah diperolehi. Namun demikian, kebebasan untuk hidup sendiri tanpa gangguan dari ibu bapa dalam soal perkahwinan dan lain-lain merupakan nilai-nilai kehidupan di zaman pasca moden, dan ramai muda-mudi Melayu turut mendokong nilai-nilai tersebut.

⁶ Mengikut Jamilah Ariffin, bilangan ibu tunggal yang meningkat di Malaysia (melebihi 600,000), sebahagiannya disebabkan oleh perceraian dan tindakan suami yang mengabaikan keluarga. (NST 28 Okt.2002). Bercakap tentang perceraian, baru-baru ini heboh dengan berita perceraian pasangan Shamsudin Latif dan Azida Fazlina Abdul Latif, di mana Shamsudin menceraikan isterinya dengan talak tiga melalui SMS (*short messaging service*). Perceraian itu dianggap sah oleh Mahkamah Syariah Gombak dengan syarat diperakui oleh Mahkamah. (NST 31 Julai 2003). Perceraian melalui SMS terjadi disebabkan perkembangan teknologi, di mana ia tidak lagi dilakukan dengan cara biasa. Selain itu, mesej Shamsuddin yang berbunyi “Kalau engkau tak keluar dari rumah emak bapa engkau, jatuh tiga talak”, menunjukkan hubungan beliau dengan keluarga isterinya bukanlah hubungan yang harmonis. Ini merupakan contoh bahawa keluarga yang dibentuk selama 18 bulan oleh pasangan berkenaan tidak mendapat restu oleh keluarga isteri. Adalah dilaporkan pasangan itu berkahwin di Narathiwat, Thailand dan tidak pernah didaftarkan di Malaysia (UM, 5 Ogos 2003).

⁷ Sebagai contoh, berikut diperturunkan beberapa laporan akhbar tentang kes atau gejala negatif yang berlaku di Malaysia pada tahun 1990-an. Saya percaya, kes-kes seperti ini kian meningkat pada masa kini:

- a) Sejak SCAN (Suspected Child Abuse and Neglected) ditubuhkan pada tahun 1985 hingga Mac 1995, terdapat 1,440 kes deraan kanak-kanak, yang terdiri daripada 735 kes deraan fizikal, 284 kes deraan seksual, dan 421 kes kanak-kanak terbiar. (NST, 30 Mac, 1995).
- b) Dari tahun 1984-1994, terdapat 4,948 kes penganiayaan isteri. (HR, 26 Nov. 1994).
- c) Hingga September 1994, terdapat 10,048 kes HIV, 115 daripada jumlah tersebut ialah kes AIDS. (NST, 27 Nov. 1994).

⁸ Majlis Fatwa Negara menjelaskan bahawa Islam membenarkan penggunaan embryo beku (*frozen embryo*) bagi mengatasi kemandulan. Pasangan suami isteri Shahruddin Mohamad dan Khasnor Abdul Karim dari Sungai Buloh hingga kini mendapat 3 orang anak melalui program tersebut. Penggunaan embryo beku untuk tujuan kehamilan adalah sama dengan program *in vitro fertilisation* (IVF) yang diterima oleh Majlis Fatwa Negara sejak tahun 1982. (Star Online, 8 Mei 2003)

⁹ Mengikut Dr. Ismail Ibrahim, Pengurus Majlis Fatwa Negara, teknik IVF dibenarkan oleh Islam jika pasangan suami itu masih berkahwin dan masih hidup. Jika berlaku perceraian, atau kematian salah seorang daripada mereka, embryo beku itu perlu dimusnahkan, sebab ia bukan lagi embryo yang sah bagi pasangan tersebut. (Star Online, 8 Mei 2003)

¹⁰ Pada tahun 1991 misalnya, di Malaysia sejumlah 44.7% wanita terlibat dalam pasaran buruh di luar keluarga. (Jabatan Perangkaan Malaysia)

¹¹ Di Kuala Lumpur, sejumlah 60-70 peratus daripada 100-150 wanita yang minta nasihat tentang perceraian dan kaunseling keluarga di JAWI terdiri daripada wanita profesional dan koprat. Perceraian banyak berlaku di kalangan keluarga berpendapatan RM 2000 ke atas. (NST, 16 Feb. 1995)

¹² Diperturunkan petikan verbatim ucapan Menteri Besar Kelantan tentang wanita yang berkerja, "Seorang wanita, bila dia bekerja dengan Kerajaan, jadi cikgu ka, jadi apa ka, dia sendiri bertanggungjawab pada rumah tangga dia. Sama ada dia setuju atau tidak pun, sebagai seorang isteri, dia bertanggungjawab kepada rumah dia. Dalam masa yang sama dia bertanggungjawab dengan kerja di pejabat dia..." (Maznah Mohamad: <http://www.malaysia.net/aliran/hihh9904.html>)

¹³ Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hamid Arshad (1988) menunjukkan terdapat kecenderungan yang meningkat di kalangan wanita Melayu untuk berhenti kerja, atau bersara awal apabila tuntutan keluarga menjadi begitu mendesak. Abdul Hamid Arshad melaporkan, 44. 1 % daripada 943 wanita yang ditemubual berhenti kerja selepas berkahwin atas permintaan suami, 26.7% berbuat demikian untuk menguruskan keluarga, dan 10.5% berhenti kerja untuk menjaga anak. (LPPKN, 1998)

¹⁴ Sebagai contoh, berikut adalah petikan akbar berkaitan kes salah laku remaja di Malaysia pada tahun 1990-an:-

- a) Pada tahun 1993, jenayah ganas remaja terdiri daripada kes-kes berikut: bunuh (12 kes), percubaan membunuh (4 kes), rompakan berkumpulan termasuk menggunakan senjata api (17 kes), rompakan persendirian (40 kes), rogol (53 kes), dan mengakibatkan kecederaan (111 kes). Kebanyakan kes di atas melibatkan remaja berumur 16-18 tahun. (UM, 28 April 1994)
- b) Gadis bohsia kebanyakannya berumur 18 tahun ke bawah dan lelaki bohjan pula, kebanyakannya berumur antara 18 hingga 22 tahun. (UM, 14 Nov. 1994)
- c) Seramai 245 pelajar dibuang sekolah kerana tindakan salahlaku. Ramai pelajar lakukan maksiat. (UM, 4 April 1995)
- d) Sehingga tahun 1994, sejumlah 9,895 orang gadis berusia 21 tahun ke bawah lari dari rumah. (BH, 15 Jun 1995).
- e) Pada tahun 1993, 675 remaja dimasukkan ke sekolah akhlak Tunas Bakti Jabatan Kebajikan Masyarakat. (26 Jan. 1994).
- f) Sejumlah 89 peratus daripada ibu bapa mengeluarkan kata-kata negatif kepada anak-anak seperti bodoh, bangsat, celaka, kurang ajar dll. (UM, 1 Feb. 1995).
- g) "Mak bapak dia orang bangang! Anak-anak bagi alasan bodoh pun mereka tetap percaya". (Petikan temubual BM dengan teman gadis bohsia, BM, 13 Nov. 1994).

Bibliografi

- Burges, et.al. 1971. *The Family - From Traditional to Companionship*. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Djamour, J. 1965. *Malay Kinship and Marriage in Singapore. London School of Economics Monographs on Social Anthropology*. University of London: The Athlone Press.
- Elliot, F.R. 1986. *The Family: Change or Continuity?* London: Macmillan Education Ltd.
- Fletcher, R. 1966. *The Family and Marriage in Britain*. Middlesex, England: Penguin Books.
- Keesing, R. 1975. *Kin Groups and Social Structure*. Holt, Rinehart and Winston.
- Kuo dan Wong. (eds.). 1979. *Contemporary Family in Singapore*. Singapore: University of Singapore Press.
- Leslie, G. 1973. *The Family in Social Context*. New York: Oxford University Press.
- Murdock, G.P. 1949. *Social Structure*. New York: Macmillan Company.
- Leslie White. 1959. *The Evolution of Culture*. New York.
- Ogburn, W.F. 1938. "The Changing Functions of the Family". *The Family* 19.
- Parsons, T. 1977. *The Family in Urban America. Anderson M. Sociology of the Family*. England: Penguin Books. Middlesex.
- Restrum, Ron. 1991. *Technologies and Society: The Shaping of People and Things*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.
- Smelser, N.J. (ed.). 1970. *Sociology: An Introduction*. New Delhi: Wiley Eastern Private Ltd.
- Strange, H. 1981. *Rural Malay Women in Tradition and Transition*. New York: Praeger Publishers.
- Winston, Brian. 1995. "How Far are Media Born and Developed". D.J. Mohammadi, Ali & Sreberny-Mohammadi, A. (eds.). *Questioning the Media: A Critical Introduction*. 2nd Edition. Thousand Oaks. CA: Sage.

Weber, Max. 1904/1930. *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism.* Translated by Talcott Parson. New York: Charles Scribner's Sons.

Yaacob Harun. 1991. *Keluarga Melayu Bandar: Satu Analisis Perubahan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.